KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
NEWSLETTER

# BENCANA BANJIR

## DUNGUN: FAKTA DAN ANGKA




### LATAR BELAKANG

- Nama Dungun dipercayai berasal daripada nama sejenis pokok, iaitu Pokok Dungun (*Heritiera littoralis Dryand*) yang banyak tumbuh di daerah ini.

- Dungun merupakan sebuah daerah yang terletak di selatan negeri Terengganu dan berpusat di Kuala Dungun serta mempunyai keluasan sebanyak 2,735.0 kilometer persegi.

- Terdapat 13 mukim di daerah Dungun iaitu Mukim Kuala Abang, Mukim Besul, Mukim Hulu Paka, Mukim Jengai, Mukim Jerangau, Mukim Kuala Dungun, Mukim Kuala Paka, Mukim Kumpal, Mukim Pasir Raja, Mukim Rasau, Mukim Sura, Bandar Dungun dan Pekan Kuala Paka.

- Dungun mempunyai bentuk muka bumi seperti berpantai, berpulau, beralur atau anak sungai serta tanah yang rendah.

- Justeru itu, hujan lebat yang berterusan boleh mengakibatkan berlakunya peningkatan paras air anak-anak sungai melepasi paras bahaya apabila tidak dapat menampung air tersebut. Limpahan air sungai ini menyebabkan kawasan yang rendah mengalami banjir.

**Sumber:**
1. https://mpd.terengganu.gov.my/index.php/ms/pelawat/info-dungun
2. https://jpsweb.terengganu.gov.my/images/LAPORANBANJIR/laporan-banjir-2022-2023.pdf
3. https://daerahdungun.blogspot.com/2009/08/bentuk-muka-bumi-di-dungun.html
4. My Local Stats, Dungun, 2023



@StatsMalaysia

# MENGIMBAS BANJIR BESAR DI DUNGUN, TERENGGANU



Sumber: https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/12/26/banjir-terburuk-3-dekad?itm_source=parsely-api

## BANJIR BESAR 2014

Hampir 80 peratus kampung sekitar Hulu Dungun dinaiki air pada 15 Disember 2014, berpunca daripada limpahan air Sungai Dungun yang tidak dapat mengalir ke laut akibat fenomena air laut pasang besar.



Sumber: https://www.melakahariini.my/dungun-kembali-banjir/

## BANJIR TAHUN 2021

Pada tahun 2021, berlaku banjir yang menyebabkan seramai 156 mangsa daripada 49 keluarga ditempatkan di PPS Dewan Orang Ramai Kampung Pasir Raja dan Dewan Serba Guna Kampung Shukor.



Sumber: https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/12/916323/hulu-terengganu-dungun-pula-banjir

## BANJIR TAHUN 2022

Jumlah mangsa banjir meningkat kepada 47 mangsa yang dipindahkan ke empat Pusat Pemindahan Sementara (PPS).



Sumber: https://www.kosmo.com.my/2023/12/26/hulu-dungun-bergelap-pencawang-tnb-ditenggelami-banjir/

## BANJIR TAHUN 2023

Pada 26 Disember 2023, beberapa perkampungan di Hulu Dungun terputus bekalan elektrik dan liputan telekomunikasi akibat ditenggelami air sejak awal pagi.



@StatsMalaysia

# HIDROGRAF STESEN




Paparan hidrograf menunjukkan paras air stesen Sg. Dungun di Jambatan Jerangau melepasi paras bahaya pada 28 November 2024. Walau bagaimanapun, paras air stesen telah menurun bermula 2 Disember 2024 dan berada di paras waspada sehingga 4 Disember 2024.




Paparan hidrograf menunjukkan paras air stesen Sg. Dungun di Kg. Pasir Raja, Dungun telah menurun bermula 28 November 2024 sehingga 4 Disember 2024.

Sumber: https://publicinfobanjir.water.gov.my/aras-air/data-paras-air/?state=TRG



@StatsMalaysia
BANCI 2024 PERTANIAN KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN
MALAYSIA MADANI
1949–2024 DOSM 75 Ulang Tahun Jubli Intan JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA STATISTIK NADI KEHIDUPAN
2016 - 2030

## DAERAH : DUNGUN

# RAMALAN CUACA

| TARIKH | CUACA | RAMALAN |
|---|---|---|
| 09/12/2024 Isnin | Hujan menyeluruh | **Pagi:** Hujan menyeluruh<br>**Petang:** Hujan menyeluruh<br>**Malam:** Hujan menyeluruh<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 30°C |
| 10/12/2024 Selasa | Hujan menyeluruh | **Pagi:** Hujan menyeluruh<br>**Petang:** Hujan menyeluruh<br>**Malam:** Hujan menyeluruh<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 30°C |
| 11/12/2024 Rabu | Hujan menyeluruh | **Pagi:** Hujan menyeluruh<br>**Petang:** Hujan menyeluruh<br>**Malam:** Hujan menyeluruh<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 30°C |
| 12/12/2024 Khamis | Hujan di beberapa tempat | **Pagi:** Hujan di beberapa tempat<br>**Petang:** Hujan di beberapa tempat<br>**Malam:** Hujan di beberapa tempat<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 30°C |
| 13/12/2024 Jumaat | Hujan di beberapa tempat | **Pagi:** Hujan di beberapa tempat<br>**Petang:** Hujan di beberapa tempat<br>**Malam:** Hujan di beberapa tempat<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 30°C |
| 14/12/2024 Sabtu | Hujan di beberapa tempat | **Pagi:** Hujan di beberapa tempat<br>**Petang:** Hujan di beberapa tempat<br>**Malam:** Hujan di beberapa tempat<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 30°C |
| 15/12/2024 Ahad | Hujan di beberapa tempat | **Pagi:** Hujan di beberapa tempat<br>**Petang:** Hujan di beberapa tempat<br>**Malam:** Hujan di beberapa tempat<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 30°C |

Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia



@StatsMalaysia

# BANJIR 2024

- Sejumlah 20 PPS beroperasi bagi menempatkan mangsa banjir di Dungun sehingga 4 Disember 2024 adalah seperti berikut:

## PETA TABURAN PENDUDUK MENGIKUT MUKIM / BANDAR / PEKAN DAN *HOTSPOT* PPS




## Bilangan Mangsa di PPS

| | |
|---|---|
| Dewasa | 3,001 |
| Kanak-kanak | 1,583 |
| Bayi | 165 |

Sumber:
https://infobencanajkmv2.jkm.gov.my/landing/
Data sehingga 4 Disember 2024

## Senarai Pusat Pemindahan Sementara (PPS)

| DAERAH DUNGUN |
|---|
| SEKOLAH |
| • PPS SEK KEB PULAU SERAI |
| • PPS SEK KEB BALAI BESAR |
| • PPS SEK KEB TANJUNG PATI |
| • PPS SEK KEB KG NYIOR |
| • PPS SEK KEB SERDANG |
| • PPS SEK KEB SURA |
| • PPS SEK KEB DELONG |
| • PPS SEK KEB TOK KAH |
| • PPS SMK PULAU SERAI |
| • PPS SMK PADANG PULUT |
| BALAIRAYA |
| • PPS BALAIRAYA/MASJID KG SANTONG |
| • PPS BALAIRAYA LADANG PINANG MAS |

| DEWAN |
|---|
| • PPS DEWAN SIVIK PAKA |
| • PPS DEWAN ASPIRASI UITM DUNGUN |
| • PPS SERBAGUNA KG PAYA KEMUDI |
| • PPS DEWAN SIVIK BT 48 |
| • PPS DEWAN MASJID KG SERDANG |
| MASJID |
| • MASJID LADANG PINANG MAS |
| PUSAT LATIHAN |
| • PPS PLK KERTEH 2 DAN 3 |
| INSTITUSI |
| • PPS POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN |

Sumber: https://infobencanajkmv2.jkm.gov.my/landing/



Sumber:
https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1330936/41409-mangsa-berlindung-di-311-pps-di-terengganu



Sumber:
https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1161980/jumlah-mangsa-banjir-di-8-negeri-mula-menurun-pagi-ini



@StatsMalaysia
BANCI 2024 PERTANIAN KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN
MALAYSIA MADANI
1949-2024 DOSM 75
Ulang Tahun Jubli Intan JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA STATISTIK NADI KEHIDUPAN
2016 - 2030

# IMPAK BANJIR



myMetro

Banjir: Sektor pertanian, agromakanan & perikanan Terengganu rugi RM6.6 juta

Baharom Bakar
am@hmetro.com.my

AZMAN selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Tabung Bencana Pertanian negeri di Wisma Darul Iman, semalam. FOTO Baharom Bakar

Kuala Terengganu: Sektor pertanian, agromakanan dan perikanan kerugian lebih RM6.6 juta akibat banjir gelombang pertama yang melanda negeri ini baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, sektor pertanian paling terkesan apabila 739 petani kerugian RM2.48 juta selepas lebih 1,300 hektar kawasan sawah musnah ditenggelami banjir.

Katanya, sektor agromakanan membabitkan seramai 250 petani pula dilaporkan mengalami kerugian RM1.3 juta selepas 162.4 hakter tanaman musnah ditenggelami banjir.

"Seramai 85 pengusaha ikan dalam sangkar kerugian kira-kira RM1.57 juta apabila sangkar musnah dihanyutkan air, ternakan mati dan terlepas ke perairan umum," katanya kepada media di sini, hari ini.

Sumber: https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1166684/banjir-sektor-pertanian-agromakanan-perikanan-terengganu-rugi-rm66-juta#google_vignette



BERNAMA

AM > BERITA

Kebun Jagung, Bendi Ditenggelami Air, Petani Rugi Lebih RM20,000

04/12/2024 03:15 PM

Pekerja ladang jagung milik petani Mohd Noor Besar melihat jagung yang rosak disebabkan banjir di Jalan Durian Mentangau hari ini.

PAKA, 4 Dis (Bernama) -- "Air naik terlalu pantas, luar dari kebiasaan," itulah luahan seorang petani, Mohd Noor Besar yang terpaksa menanggung kerugian lebih RM20,000 apabila kebun jagung dan bendi yang diusahakannya musnah dalam banjir yang melanda baru-baru ini.

Lelaki berusia 50 tahun yang sudah mengusahakan kebun itu selama 15 tahun, meluahkan rasa kecewa apabila sebanyak 16,000 pokok jagung yang ditanamnya pada awal Oktober lepas tidak dapat dipetik mengikut jadual melibatkan kerugian dianggarkan lebih RM8,000.

"Tanaman jagung ini sepatutnya boleh petik pada akhir November, tetapi disebabkan banjir dan paras air naik begitu cepat habis semua tanaman jagung saya ini musnah. Banjir teruk dijangkakan pada bulan Disember tapi (tidak sangka) ia datang awal.

Sumber: https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2370966&fbclid=IwZXh0bgNhZW0CMTAAAR1v-sw3OYo_B3ajbh1lLGga-w_t-JybXh0NANGRplOZDf7OEk8hyJ8E8qI_aem_miBlNCWcBNNY9vL_7GN07g



Sinar Harian

Banjir: Penternak akuakultur, nelayan Terengganu rugi RM2.7 juta

NORHASPIDA YATIM

15 Disember 2024 12:55pm
Masa membaca: 2 minit

Keadaan banjir yang melanda beberapa kawasan di Terengganu pada 11 Disember lalu. (Foto Bernama) Gambar kecil: Ruzaidi

HULU TERENGGANU - Seramai 112 penternak akuakultur dan nelayan di Terengganu menanggung kerugian kira-kira RM2.7 juta apabila kawasan dan hasil ternakan musnah dalam bencana banjir baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, daripada jumlah itu, 85 orang merupakan penternak akuakultur manakala baki seramai 27 lagi adalah golongan nelayan.

"Berdasarkan data yang dikumpul sehingga 13 Disember (Jumaat), seramai 85 penternak akuakultur mencatatkan nilai anggaran kerosakan dan kerugian kira-kira RM1.5 juta dengan keluasan ternakan 9.5 hektar.

"Selain itu, 27 nelayan juga merekodkan nilai kerugian RM1.2 juta apabila harta benda milik mereka terutama alatan tangkapan ikan rosak," katanya di sini pada Ahad.

Sumber: https://www.sinarharian.com.my/article/702324/edisi/terengganu/banjir-penternak-akuakultur-nelayan-terengganu-rugi-rm27-juta/





kpkmmalaysia • Follow

kpkmmalaysia Seramai 829 nelayan di Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah dan Perlis yang terjejas akibat banjir dengan nilai anggaran kerosakan sebanyak RM594,032.

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menyediakan 10,150 metrik tan stok penimbal untuk memastikan bekalan ikan mencukupi sepanjang musim Monsun Timur Laut (MTL). Dengan kerjasama persatuan nelayan dan syarikat swasta, bekalan ikan tetap stabil untuk memenuhi keperluan pasaran.

Kerajaan juga meneruskan pemberian Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) sebanyak RM300.00 sebulan kepada nelayan bertujuan untuk meringankan

Liked by exrisham and others
5 days ago

Add a comment...

Sumber: https://www.instagram.com/kpkmmalaysia/p/DDgR0BgtkFT/seramai-829-nelayan-di-kelantan-terengganu-dan-pahang-terjejas-akibat-banjir-den/

# IMPAK BANJIR



BERITA | SUKAN | DUNIA | HIBURAN | BISNES | RENCANA | GAYA HIDUP | SIHAT | #MARILOKAL

NASIONAL | KES | POLITIK | PENDIDIKAN | WILAYAH

## Banjir: 31 jalan di Terengganu ditutup kepada semua kenderaan

Oleh Baharom Bakar - November 28, 2024 @ 12:29pm
bhnews@bh.com.my

Jalan Kenyir ke Aring, Hulu Terengganu ditutup selepas berlaku mendapan tanah. - Foto NSTP/BAHAROM BAKAR

KUALA TERENGGANU: Sebanyak 31 jalan, termasuk dua jalan utama ditutup kepada semua kenderaan selepas dinaiki air berikutan hujan lebat sejak pagi semalam.

Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri, Ir Dr Hasli Ibrahim, berkata ia membabitkan tujuh di Besut, Hulu Terengganu (sembilan), Setiu (enam), Kemaman (lima) dan Dungun (empat).

Katanya, dua jalan utama yang ditutup adalah Jalan Seberang Jertih ke Bukit Yong sempadan Terengganu-Kelantan di Kampung Nangka, Besut yang dinaiki air sedalam kira-kira 0.8 meter (m) sejauh 600m dan Jalan Air Putih-Chukai di Kampung Tasik Biru, Kemaman yang ditenggelami air sedalam 0.35m sejauh 100 m.

Sumber: https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1329929/banjir-31-jalan-di-terengganu-ditutup-kepada-semua-kenderaan



TERKINI | NEGARA | HALAL NIAGA | K2 | AURA | HIBURAN | DUNIA | SUKAN

Home » Fasiliti perubatan RM6.5 juta terjejas akibat banjir di Kelantan, Terengganu

TERKINI

## Fasiliti perubatan RM6.5 juta terjejas akibat banjir di Kelantan, Terengganu

Oleh ROHANA ISMAIL 7 Disember 2024, 2:20 pm

GAMBAR HIASAN

TUMPAT – Kementerian Kesihatan (KKM) mengalami kerugian hampir RM6.5 juta akibat kerosakan fasiliti perubatan semasa banjir gelombang pertama melanda Kelantan dan Terengganu baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, kerugian bernilai RM4 juta membabitkan kerosakan 77 fasiliti berlaku di Kelantan manakala di Terengganu pula sebanyak 30 fasiliti dengan kerugian bernilai RM2.5 juta.

https://www.kosmo.com.my/2024/12/07/fasiliti-perubatan-rm6-5-juta-terjejas-akibat-banjir-di-kelantan-terengganu/



UTAMA | BERITA | VIDEO | PODCAST | ALBUM | MAGAZINE | EVENT

## Banjir: TNB Tutup Bekalan Elektrik Di Sekitar Marang, Kuala Terengganu

Noraini Juoh · 01 Dis 24 12:40 PTG

KUALA TERENGGANU, 1 Disember- Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menutup bekalan elektrik di beberapa kawasan sekitar Marang dan Kuala Terengganu hari ini.

Langkah itu diambil demi keselamatan pengguna setempat susulan insiden hujan dan banjir.

Sumber: https://www.trdi.my/banjir-tnb-tutup-bekalan-elektrik-di-sekitar-marang-kuala-terengganu



## 99 Tabika Kemas di Terengganu terjejas banjir

BERNAMA

GAMBAR hiasan. FOTO Arkib NSTP

Kuala Nerus: Sebanyak 99 Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di Terengganu terjejas banjir dengan anggaran kerugian RM1 juta.

Pengarah KEMAS Terengganu Dr Faridah Mat berkata sebahagian besar kerosakan melibatkan peralatan, perabot dan atap bumbung yang diterbangkan angin kuat.

Beliau berkata terdapat keseluruhan 2,500 murid dan 300 petugas di kesemua lapan daerah negeri itu.

"Laporan mengenai kerosakan tabika telah dihantar ke Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) untuk tindakan dan penilaian lanjut.

Sumber: https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1166782/99-tabika-kemas-di-terengganu-terjejas-banjir

# PROFIL DEMOGRAFI

**PENDUDUK**
- 2024: 168.1 ribu
- 2020: 158.1 ribu

**TEMPAT KEDIAMAN**
- 2024: 49.1 ribu
- 2020: 42.3 ribu

**ISI RUMAH**
- 2024: 46.6 ribu
- 2020: 39.6 ribu

**UMUR 0-14**
- 2024: 47.6 ribu
- 2020: 45.7 ribu

**UMUR 15-64**
- 2024: 112.0 ribu
- 2020: 105.2 ribu

**UMUR 60+**
- 2024: 14.3 ribu
- 2020: 11.9 ribu

**UMUR 65+**
- 2024: 8.4 ribu
- 2020: 7.2 ribu

**NISBAH JANTINA**
- 2024: 106
- 2020: 106

Lelaki bagi setiap 100 perempuan

**KELAHIRAN**
- 2023: 3,531
- 2020: 3,546

**KEMATIAN**
- 2023: 963
- 2020: 845

**PUNCA KEMATIAN**

| 2023 | |
|---|---|
| *1. PNEUMONIA* | 91 |
| *2. ISCHAEMIC HEART DISEASES* | 82 |
| *3. CEREBROVASKULAR DISEASES* | 39 |

**PERKAHWINAN**
- 2023: 1,862
- 2020: 2,685

**PERCERAIAN**
- 2023: 805
- 2020: 759

**PARAS PERBANDARAN**
- 2020: 70.7%

**KEPADATAN**
- 2024: 61 km²

**Sumber :**
1. Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 : Daerah Pentadbiran Dungun
2. Anggaran Penduduk Semasa Mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2024
3. Statistik Perkahwinan dan Perceraian Malaysia, 2020 & 2024
4. Perangkaan Penting Malaysia, 2021 & 2024



@StatsMalaysia
BANCI 2024 PERTANIAN KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN
MALAYSIA MADANI
1949-2024 DOSM 75
Ulang Tahun Jubli Intan JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA STATISTIK NADI KEHIDUPAN
2016 - 2030

## PROFIL DEMOGRAFI MENGIKUT MUKIM, DUNGUN, TERENGGANU

Berdasarkan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, maklumat penduduk, isi rumah, tempat kediaman, umur muda (0-14 tahun) dan umur tua (65+) mengikut mukim adalah seperti berikut:

| MUKIM | JUMLAH | LELAKI | PEREMPUAN | TEMPAT KEDIAMAN | ISI RUMAH | UMUR MUDA (0-14) (%) | WARGA EMAS (65+) (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| MUKIM KUALA ABANG | 5,442 | 2,783 | 2,659 | 1,469 | 1,295 | 28.6 | 5.9 |
| MUKIM BESUL | 3,488 | 2,047 | 1,441 | 852 | 1,096 | 20.6 | 3.6 |
| MUKIM HULU PAKA | 7,138 | 3,716 | 3,422 | 1,876 | 1,868 | 25.7 | 4.3 |
| MUKIM JENGAI | 998 | 520 | 478 | 336 | 248 | 23.8 | 9.6 |
| MUKIM JERANGAU | 11,508 | 6,009 | 5,499 | 3,559 | 2,876 | 27.5 | 8.2 |
| MUKIM KUALA DUNGUN | 34,767 | 17,398 | 17,369 | 9,641 | 8,523 | 28.6 | 5.4 |
| MUKIM KUALA PAKA | 37,773 | 19,994 | 17,779 | 9,920 | 8,572 | 33.7 | 2.2 |
| MUKIM KUMPAL | 3,256 | 1,717 | 1,539 | 871 | 751 | 27.8 | 7.3 |
| MUKIM PASIR RAJA | 1,431 | 831 | 600 | 358 | 329 | 24.1 | 7.8 |
| MUKIM RASAU | 13,387 | 6,893 | 6,494 | 3,046 | 2,826 | 28.9 | 7.6 |
| MUKIM SURA | 38,454 | 19,093 | 19,361 | 10,139 | 11,072 | 26.8 | 3.3 |
| BANDAR DUNGUN | 61 | 36 | 25 | 22 | 18 | 14.8 | 9.8 |
| PEKAN KUALA PAKA | 425 | 231 | 194 | 205 | 121 | 22.8 | 7.3 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **158,128** | **81,268** | **76,860** | **42,294** | **39,595** | **28.9** | **4.5** |

Sumber: Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 : Daerah Pentadbiran Dungun

- Mukim yang mencatatkan peratus umur muda (0-14) tertinggi pada tahun 2020 adalah Mukim Kuala Paka iaitu 33.7%

- Mukim yang mencatatkan peratus umur tua (65 tahun dan lebih) tertinggi pada tahun 2020 adalah Bandar Dungun iaitu 9.8%.



@StatsMalaysia
BANCI 2024 PERTANIAN
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN
MALAYSIA MADANI
1949-2024 DOSM 75
Ulang Tahun Jubli Intan
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
STATISTIK NADI KEHIDUPAN
2016 - 2030

# STATISTIK SOSIOEKONOMI & KEMUDAHAN AWAM, DUNGUN

## PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN, 2022

| | PURATA (RM) | PENENGAH (RM) |
|---|---|---|
| JUMLAH | 7,902 | 6,356 |

## RUMAH IBADAT

51 MASJID

4 TOKONG

0 KUIL

4 GEREJA

## KESIHATAN

1 HOSPITAL KERAJAAN

23 KLINIK KERAJAAN

## GUNA TENAGA

3.4% KADAR PENGANGGURAN

57.3% KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

## KESELAMATAN

1 IPD

7 BALAI POLIS

3 BALAI BOMBA

## PENDIDIKAN

48 SEKOLAH RENDAH

24 SEKOLAH MENENGAH

Sumber : My Local Stats, Dungun, Terengganu, 2023

## PAKW, 2023

Bandar
RM 4,708

MyPAKW

Luar Bandar
RM 3,865

Sumber : Indikator Kos Sara Hidup, Terengganu, 2023

## KDNK, 2020

(RM Juta)

RM 3,183

Sumber : Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Daerah Pentadbiran Dungun, Terengganu, 2015 - 2020



@StatsMalaysia
BANCI 2024 PERTANIAN KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN
MALAYSIA MADANI
1949-2024 DOSM 75
Ulang Tahun Jubli Intan JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA STATISTIK NADI KEHIDUPAN
2016 - 2030

# BILANGAN PREMIS PERNIAGAAN MENGIKUT SEKTOR, DUNGUN




Sumber: *Malaysia Statistical Business Register (MSBR), 2024*



@StatsMalaysia
BANCI 2024 PERTANIAN
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN
MALAYSIA MADANI
1949–2024 DOSM 75
Ulang Tahun Jubli Intan
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
STATISTIK NADI KEHIDUPAN
2016 - 2030

# LAPORAN KHAS IMPAK BANJIR DI MALAYSIA, 2024

## NILAI KERUGIAN BANJIR KESELURUHAN

| | 2023 | 2024 |
|---|---|---|
| | RM755.4 juta | ? |

## NILAI KERUGIAN BANJIR TERTINGGI MENGIKUT NEGERI

| Negeri | 2023 | 2024 |
|---|---|---|
| JOHOR | RM275.0 juta | ? |
| KELANTAN | RM139.7 juta | ? |
| TERENGGANU | RM77.7 juta | ? |



## NILAI KERUGIAN BANJIR TERTINGGI MENGIKUT DAERAH



| 2023 | 2024 |
|---|---|
| BATU PAHAT RM104.8 juta | ? |
| SEGAMAT RM54.6 juta | ? |
| PASIR MAS RM26.8 juta | ? |



## NILAI KERUGIAN BANJIR MENGIKUT JENIS KEROSAKAN

| | 2023 | 2024 |
|---|---|---|
| TEMPAT KEDIAMAN | RM168.3 juta | ? |
| KENDERAAN | RM22.3 juta | ? |
| PREMIS PERNIAGAAN | RM53.2 juta | ? |
| PEMBUATAN | RM10.3 juta | ? |
| PERTANIAN | RM120.6 juta | ? |
| ASET AWAM & INFRASTRUKTUR | RM380.7 juta | ? |

10 MAC 2025

2024

LAPORAN KHAS IMPAK BANJIR DI MALAYSIA



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



@StatsMalaysia
BANCI 2024 PERTANIAN
MALAYSIA MADANI
Jubli Intan

# PORTAL DAN DASHBOARD DOSM : MEDIUM SEBARAN STATISTIK




OpenDOSM



Kawasanku




MyLocal Stats



SDG




MyDemography




MyAgeing Dashboard




MyPAKW




Portal Bencana NADMA